

BENGKEL PENGURUSAN KEWANGAN MASJID

SIRI I

TARIKH : 10 JUN 2007
MASA : 8.30 PG HINGGA 5.00 PTG

DISAMPAIKAN OLEH:
USTAZ ABDULLAAH BIN JALIL
PENSYARAH FAKULTI EKONOMI DAN MUAMALAT

ANJURAN FAKULTI EKONOMI DAN MUAMALAT
DENGAN KERJASAMA
PELAJAR-PELAJAR MISI ANTARABANGSA FEM 2007

Kursus Pengurusan Ekonomi Masjid

Dibentangkan oleh:

Al-Haqir wa al-Faqir Ila Allah al-Ghaniyy

Abdullaah Jalil

Fakulti Ekonomi dan Muamalat
Universiti Sains Islam Malaysia

Isi Kandungan

- Pembuka Bicara
- Pengurusan Masjid di Malaysia
- Kategori Masjid
- Aspek Pengurusan Masjid
- Pengurusan Ekonomi Masjid
- Tanggungjawab Pihak Pengurusan Masjid
- Faktor-Faktor yang boleh menjejaskan Pengurusan Ekonomi Masjid

Pembuka Bicara (1)

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ "الخدري" ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِذَا رَأَيْتُمْ
الرَّجُلَ يَعْتَادُ الْمَسَاجِدَ فَاشْهَدُوا عَلَيْهِ بِالْإِيمَانِ " ، فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى ، قَالَ : ﴿ إِنَّمَا يَعْمُرُ
مَسَاجِدَ اللَّهِ مِنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ﴾

رواه البيهقي في شعب الإيمان

Daripada Abu Saed [al-Kudri] r.a., daripada Rasulullah SAW [bahawa] beliau bersabda:

Apabila kamu melihat seorang lelaki yang melazimi/berulang-alik ke masjid-masjid, maka persaksikanlah bagi lelaki tersebut dengan iman, sesungguhnya Allah SWT berfirman:

Hanyasanya orang yang memakmurkan masjid-masjid Allah itu adalah orang yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqi di dalam kitab "Shu'ab al-Iman" – Cabang2 Iman

Pembuka Bicara (2)

عُبَيْدُ اللَّهِ الْخَوْلَانِيُّ يَذْكُرُ ، أَنَّهُ سَمِعَ عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ ، عِنْدَ قَوْلِ النَّاسِ فِيهِ ، حِينَ بَنَى مَسْجِدَ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، إِنَّكُمْ قَدْ أَكْثَرْتُمْ ، وَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : " مَنْ بَنَى مَسْجِدًا لِلَّهِ تَعَالَى ، قَالَ بُكَيْرٌ : حَسِبْتُ ، أَنَّهُ قَالَ : " يَبْتَغِي بِهِ وَجْهَ اللَّهِ ، بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ " ، قَالَ ابْنُ عَيْسَى فِي رِوَايَتِهِ : مِثْلُهُ فِي الْجَنَّةِ ،

رواه مسلم في صحيحه، باب فضل بناء المسجد والحث عليها

‘Ubaidullah al-Khawlani menyatakan bahawa beliau mendengar Uthman Ibn ‘Affan r.a. –tatkala orang ramai mula bercakap-cakap tentang beliau, ketika beliau membina [dengan lebih baik] Masjid Nabawi:

“Sesungguhnya kamu melihat ini sesuatu (pemborosan) yang banyak, dan sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

“Barangsiapa yang membina masjid kerana Allah – Bukair berkata: Aku mengira beliau berkata:- Kerana mencari keredhaan Allah, maka Allah akan membina baginya sebuah rumah di dalam Syurga.

Ibnu Isa menyatakan di dalam riwayatnya: seumpamanya di Syurga.

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam kitab Sahihnya dalam Bab Kelebihan Membina Masjid dan Galakan Baginya

Pembuka Bicara (3)

عَنْ مَحْمُودِ بْنِ لَبِيدٍ ، أَنَّ عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ ، أَرَادَ بِنَاءَ الْمَسْجِدِ ، فَكَرِهَ النَّاسُ ذَلِكَ ،
فَأَحْبَبُوا أَنْ يَدْعَهُ عَلَى هَيْئَتِهِ ، فَقَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ :
" مَنْ بَنَى مَسْجِدًا لِلَّهِ ، بَنَى اللَّهُ لَهُ فِي الْجَنَّةِ مِثْلَهُ "

رواه مسلم في صحيحه، باب فضل بناء المسجد والحث عليها


Daripada Mahmud Ibn Labid, sesungguhnya Uthman Ibn 'Affan r.a. ingin membina [dengan lebih baik] Masjid [Nabawi], maka orang ramai tidak berkenan dengan [cadangan beliau] itu, mereka lebih suka sekiranya masjid [Nabawi] itu dibiarkan dalam keadaan [asal]nya, maka beliau berkata:

Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang membina masjid kerana Allah, maka Allah akan membina baginya sebuah rumah di Syurga yang seumpamanya.

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam kitab Sahihnya dalam Bab Kelebihan Membina Masjid dan Galakan Baginya

Pengurusan

- Pengurusan meliputi empat proses yang utama, iaitu:



Pengurusan Masjid di Malaysia

- Dari sudut pandangan Fiqh, masjid merupakan harta wakaf yang kekal miliknya sebagai milik Allah SWT.
- Pada hari ini, masjid boleh dianggap sebagai satu entiti yang tersendiri. Ia merupakan satu institusi yang mampu memiliki aset dan liabiliti.
- Tanggungjawab pengurusan masjid adalah terletak di bawah Ketua Negara Islam ataupun Nazir Waqf (ناظر الوقف) yang telah dipilih oleh pewakaf.

Pengurusan Masjid di Malaysia

- Di dalam konteks Malaysia, Yang Dipertuan Agung merupakan Ketua Agama Islam di Malaysia. Walaubagimanapun, urusan Hal Ehwal Agama Islam diletakkan dibawah kuasa setiap negeri. Maka pengurusan masjid adalah tanggungjawab setiap negeri.
- Setiap negeri diketuai oleh Sultan atau Yang Dipertua. Majlis Agama Islam Negeri diamanahkan oleh Sultan atau Yang Dipertua Negeri untuk menguruskan masjid. Setiap masjid mempunyai jawatankuasa tersendiri yang bertanggungjawab terus kepada Majlis Agama Islam Negeri (yang mungkin mempunyai pejabat di beberapa daerah).

Tanggungjawab Mengurus Masjid



Kategori Masjid (berdasarkan hak pemilikan)

- Imam al-Mawardi membahagikan masjid kepada 2 kategori [berdasarkan hak pelimilikan] di dalam kitabnya – al-Ahkam Al-Sulthaniyyah, iaitu:
 - Masajid Sulthaniyyah: Masjid yang didirikan oleh sultan atau kerajaan
 - Masajid ‘Ammah: Masjid umum yang didirikan dengan harta persendirian bukan kerajaan

Kategori Masjid (berdasarkan pendirian Solat Jumaat di dalamnya)


- Sebahagian kitab fiqh membahagikan masjid kepada dua kategori, iaitu:
 - Masjid Jami': Masjid yang didirikan solat Jumaat di dalamnya
 - Masjid Ghayr Jami': Masjid biasa yang tidak didirikan solat Jumaat di dalamnya

- Hakikat ini telah pun ada di zaman Rasulullah SAW dan Khulfa' al-Rashidin. Pada waktu itu, terdapat 7 atau 9 buah masjid di Madinah, namun solat Jumaat hanya didirikan di sebuah masjid sahaja, iaitu Masjid Nabawi.


Kategori Masjid (berdasarkan bilangan solat berjemaah)


- Sebahagian fuqaha' pula membahagikan masjid berdasarkan jumlah solat berjema'ah yang didirikan di dalamnya kepada 2 kategori:
 - Masjid Jama'ah: Masjid yang didirikan 5 solat fardu secara berjema'ah di dalamnya
 - Masjid Ghayr Jama'ah: Masjid yang didirikan solat berjemaah di dalamnya kurang dari 5 kali waktu solat fardhu

Kategori Masjid



Aspek Pengurusan Masjid






Aspek Pengurusan Masjid

Aspek	Deskripsi Ringkas
Sumber Manusia	Perlantikan bagi jawatan-jawatan dalam carta organisasi masjid
Pembangunan	Pembangunan dan penyelenggaraan masjid
Program	Perancangan dan pelaksanaan aktiviti
Kewangan	Perakaunan seperti rekod dan laporan kewangan
Ekonomi	Pengurusan pendapatan dan perbelanjaan

Pengurusan Ekonomi Masjid



Sedikit Ulasan Bagi Gambarajah:

- Idari: Perbelanjaan berkaitan pentadbiran
- Ijtimai'e: Aktiviti masjid yang tidak bermotifkan keuntungan material.
- Tijari: Aktiviti masjid yang bermotifkan keuntungan material.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan Masjid

- *Adakah masjid perlu bertindak sebagai sebuah badan korporat?*

Tidak, ini adalah kerana masjid bukanlah sebuah institusi yang berteraskan keuntungan.

- *Namun, adakah salah bagi pihak pengurusan masjid mengambil sedikit upah/ keuntungan bagi menjamin kelangsungan masjid sebagai institusi yang penting bagi umat Islam?*

Pada pendapat saya yang dha'if ini, ianya adalah harus, dengan syarat-syarat tertentu, namun perkara ini perlu dirujuk kepada Pejabat Mufti Negeri.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan Masjid

- *Bagaimanakah pihak pengurusan masjid melaksanakan aktiviti idari, ijtima'i dan tijari?*

Pihak pengurusan masjid perlu melaksanakan amanah pengurusan masjid dengan objektif memakmurkan dan memberi maslahah (kebajikan) kepada ahli kariah yang berada dalam lingkungan tanggungjawab masjid.

Ini bersesuaian dengan kaedah fiqh:

تصرف الإمام منوط بمصالح الرعية

Tindak-tanduk pemerintah mestilah berdasarkan kepada maslahah (kebajikan) rakyat.

Pihak pengurusan masjid merupakan wakil kepada pemerintah dan wakil adalah tertakluk kepada kaedah yang sama.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan Masjid

- *Banyak pihak menyeru agar pihak pengurusan masjid menyeru agar masjid juga melakukan aktiviti perniagaan (tijari) yang bermotifkan keuntungan, adakah saranan ini bertentangan dengan Shariat?*

Ini adalah soalan yang rumit. Semoga Allah memberi tawfiq kepada pembentang mengemukakan pendapatnya yang dha'if ini.

Pada hemat pembentang, secara zahirnya, saranan ini mungkin bertentangan dengan hadis-hadis Rasulullah SAW yang melarang urusan jual-beli dilakukan di masjid.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan Masjid

Sebagai contoh:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا رَأَيْتُمُ الرَّجُلَ يَنْشُدُ ضَالَّةً فِي الْمَسْجِدِ ، قُولُوا : لَا وَجَدْتِ ، وَإِذَا رَأَيْتُمُوهُ يَبِيعُ فِي الْمَسْجِدِ ، فَقُولُوا : لَا أَرْبَحَ اللَّهُ تِجَارَتَكَ "

Daripada Abu Hurairah r.a., beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: Apabila kamu melihat seorang lelaki melaungkan hartanya yang hilang di dalam masjid, maka katakanlah: Semoga kamu tidak akan mendapatinya, dan apabila kamu melihat seseorang berjual-beli di dalam masjid, maka katakanlah: Semoga Allah tidak menguntungkan perniagaan kamu.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Thabrani di dalam al-Mu'jam al-Awsath dengan sanad yang baik (hasan).

Tanggungjawab Pihak Pengurusan Masjid

Walaupun bagaimanapun, pada pendapat penulis yang jahil ini, hadis tersebut hanya melarang aktiviti jual-beli dilakukan di dalam masjid, namun hadis tersebut tidak melarang pihak nazir (ناظر الوقف) atau pengurusan masjid menjadikan perniagaan sebagai satu bentuk pendapatan.

Sebahagian ulama' menyatakan bahawa hadis tersebut adalah larangan menjadikan masjid sebagai kawasan perniagaan. Rujuk Nayl al-Awthar oleh Imam al-Shawkani. Walaupun bagaimanapun, pihak pengurusan masjid yang menjalankan aktiviti perniagaan perlu memastikan agar adab ini tidak dilanggar.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan Masjid

Namun yang menjadi persoalan selanjutnya, di manakah had kawasan masjid yang dimaksudkan itu? Adakah 'built-up area' sahaja atau ianya meliputi kesemua harta wakaf masjid seperti tempat letak kereta, dll.?

Seingat pembentang, pihak Jabatan Agama Islam Johor pernah mengeluarkan pekeliling (berkaitan larangan merokok di kawasan masjid) menyatakan bahawa pihak mereka mengambil pendirian bahawa kawasan masjid itu adalah meliputi seluruh kawasan masjid termasuk veranda, tempat letak kereta, dll. Maka, larangan merokok di masjid meliputi seluruh kawasan masjid. [Sila Rujuk Jabatan Agama Islam Johor bagi kepastian].

Berdasarkan pendirian sebegini, maka aktiviti jual-beli tidak boleh dilakukan di dalam kawasan masjid.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan Masjid

Bagi konteks Negeri Sembilan, pembentang tidak mempunyai pengetahuan yang khusus berkaitan dengan isu ini. [Sila rujuk Pejabat Mufti Negeri Sembilan].

Namun begitu, pendapat peribadi pembentang (yang tidak layak dijadikan pegangan), kata-kata Rasulullah SAW “في المسجد” perlulah difahami dengan konteks sirah Rasulullah SAW dan undang-undang bahasa Arab seperti ilmu ma’ani. Di samping itu juga, firman Allah SWT berkaitan mereka yang beri’tikaf di dalam masjid:

“و لا تبشرةن وأنتم عاكفون في الساجد”

juga boleh dijadikan asas bagi pemahaman makna masjid yang sebenar. Kedua, adakah larangan ini berbentuk haram atau makruh? Perbincangan.

Faktor-faktor yang boleh menjejaskan pengurusan ekonomi masjid

- Pemborosan dan pembaziran
- Perancangan yang lemah
- Tiada pengawalan
- Kekurangan sumber manusia
- Penyelewengan
- Kecurian hasil
- Kerosakan aset akibat khianat, salah guna, tiada penyelenggaraan, dll.
- Rekod yang lemah
- Ketidakcekapan penilaian program
- Dll.

Sesi Soal Jawab

Sekian, terima kasih.

Allah Maha Mengetahui